

Kes Perwaja: Switzerland

BH 11 JUN 2007

BERN, Isnin - Switzerland sedia membantu pihak berkuasa Malaysia untuk mendapat maklumat daripada bank di negara itu mengenai mana-mana deposit wang yang disyaki diperolehi secara haram.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata antara maklumat yang ingin diperolehi kerajaan Malaysia ialah berhubung kes syarikat keluli, Perwaja Steel.

"Kita mendapati dana daripada Perwaja yang diperolehi secara haram ada disimpan dalam bank di Switzerland.

"Berikutan itu kita sudah meminta bantuan kerajaan Switzerland dan mereka

menyatakan kesediaan membantu dalam kes yang mana simpanan berkenaan membabitkan hasil kegiatan yang salah dari segi undang-undang," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar bersama dengan Presiden Switzerland, Kaspar Villiger di sini, hari ini.

Switzerland yang mempunyai undang-undang rahsia perbankan yang ketat sudah mula memberi kelonggaran dalam kes tertentu.

Villiger berkata, permintaan Malaysia untuk mendapat akses kepada maklumat mengenai deposit wang dalam bank di Swit-

zerland wajar dibantu jika ada elemen jenayah, rasuah dan pembersihan wang haram.

"Sistem undang-undang bank kita memang ketat, tetapi ia tidak membenarkan mana-mana pihak menyalahgunakan bank di Switzerland untuk tujuan jenayah," katanya.

Beliau berkata, Switzerland akan tetap mempertahankan undang-undang rahsia perbankannya yang ketat, tetapi akan memberi pengecualian dalam kes tertentu apabila ia membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

"Agak sukar untuk me-

mindakan undang-undang perbankan kami. Rakyat negara ini lebih suka menukar menteri kewangan daripada undang-undang itu," katanya pada sidang akhbar itu yang diadakan selepas kedua-dua pemimpin dan rombongan mereka mengadakan perbincangan hampir tiga jam, termasuk semasa jamuan tengah hari.

Turut serta dalam delegasi Perdana Menteri ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah (1) Badan Pencegah Rasuah. Datuk Mohd Zawawi

sedia bantu

Mohd Nordin.

Selain isu mendapat maklumat daripada bank di Switzerland, isu aktivis alam sekitar, Bruno Manser turut dibincangkan.

Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan bahawa Manser memasuki Malaysia secara haram tanpa menggunakan passport.

Rakyat Switzerland itu yang menempa nama selepas duduk bertahun-tahun dengan masyarakat Penan di Sarawak, dipercayai sudah mati walaupun mayatnya tidak dijumpai.

"Kita memang menyiasat apa yang berlaku terhadap beliau," kata Dr Mahathir.

Isu dua hala lain yang

disentuh dalam perbincangan itu ialah mengenai hasrat Malaysia untuk membuka semula kedutaannya di Switzerland yang ditutup sebelum ini. Perdana Menteri berkata, kedutaan itu perlu dibuka semula kerana hubungan antara kedua-dua negara kian meningkat serta bertambahnya bilangan rakyat Malaysia yang menetap di Switzerland.

Selain itu, kedua-dua negara juga membincangkan hasrat mereka untuk merembat tempat sebagai ahli majlis Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ICU).

Kedua-dua negara akan

membincangkan lebih lanjut mengenai kemungkinan laluan diberi kepada salah satu untuk mendapat tempat di ICU.

Dr Mahathir dan Villiger turut membincangkan isu antarabangsa termasuk globalisasi dan keganasan.

Villiger berkata, kedua-dua negara tidak banyak mempunyai perbezaan pandangan mengenai isu keganasan.

Selain daripada memeringi keganasan menerusi langkah ketenteraan dan keselamatan, beliau turut bersetuju dengan pandangan Malaysia bahawa punca keganasan berlaku perlu juga ditangani.